MUNYATUL MUSOLLI

(Cita-Cita Orang Yang Bersembahyang)

17 MAKRUH DALAM SEMBAHYANG

Dan yang makruhnya pada sembahyang itu amat banyak:

1. Setengah daripadanya, berpaling ke kanan atau ke kiri dengan mukanya, atau melihat ke langit kerana yang demikian itu permainan syaitan.

2. Dan setengah daripadanya, menutup mulutnya dengan umpama kain, melainkan menguap. Maka sunat tutup mulutnya dengan tangannya, kerana disebut pada hadits: **"Apabila menguap seorang kamu, maka hendaklah memegangkan dengan tangannya atas mulutnya. Maka bahawasanya syaitan masuk pada mulutnya."**

3. Dan setengah daripadanya, mesikapkan (menyisir) rambutnya atau kainnya kerana ditegah pada hadits. Dan dimaafkan pada perempuan. Tiada mengapa ia sembahyang dengan sanggulnya atau dengan jalin rambutnya kerana kesukaran atas membukakan sanggulnya.

4. Dan setengah daripadanya, makruh ia berludah di tengah sembahyang di hadapan atau di kanannya. Hanya apabila hendak berludah sebelah kirinya atau di bawah kakinya, ini jika bukan masjid. Adapun jika dalam masjid maka iaitu haram, kerana disebut pada hadits berludah di dalam masjid itu **khothiah** (خاطئة - kesalahan) dan kifaratnya ditanamnya (disucikan).

5. Dan setengah daripadanya **bertelakan** (برتلاكن - cekak) pada pinggangnya, kerana ditegah pada hadits, dan kerana menyerupa dengan orang yang takabbur, dan syaitan, dan demikian lagi ahli neraka apabila mengambil kesenangan dikerjakan yang demikian itu.

6. Dan setengah daripadanya, merendahkan kepalanya daripada belakangnya pada ruku'.

7. Dan setengah daripadanya, ia sembahyang serta berkehendak berhadats, sama ia hendak buang air kecil atau besar atau angin, maka sunat ia selesaikan daripadanya, kemudian ia sembahyang selama belum **picik** (sempit / kesuntukan) waktunya, hendaklah ia sembahyang sertanya.

8. Dan demikian lagi, makruh sembahyang di hadapan makanan atau minuman yang ingin ia kepadanya, kerana disebut pada hadits: **"Tiada sembahyang – ertinya yang kamil – di hadapan makanan."**

9. Dan setengah daripadanya sembahyang di **hammam** (حمام - bilik air) dan pada tempat jurang bukit dan tengah jalan dan tempat buang tahi dan tempat menyembah berhala.

10. Dan setengah daripadanya sembahyang pada tempat perhimpunan (kandang) unta dan **pejiratan** (فجراتن – perjiratan / perkuburan), sama ada dibongkarnya atau tiada. Tetapi jika dibongkar, tak dapat tiada dengan dilapiknya, dan jika tiada maka tiada sah sembahyangnya.

11. Dan demikian lagi makruh ia sembahyang pada **Kanisah** (كنيسه) iaitu tempat ibadat Yahudi, atau **Bi'ah** (بيعة) iaitu tempat ibadat Nasora, atau di **Hop** (هوف - kuil) Sami. Maka sekaliannya itu makruh sembahyang padanya.